

RM500j bantu melatih institusi kemahiran

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Pelajar-pelajar di institusi kemahiran akan menikmati kemudahan pembiayaan apabila kerajaan bersetuju menubuhkan sebuah tabung ala Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi menguruskan Tabung Pembangunan Kemahiran.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebanyak RM500 juta diperuntukkan untuk tabung itu bagi membantu melatih institusi kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran, Institut Kemahiran Belia Negara dan institusi swasta terpilih mendapatkan pinjaman.

“Syarat pinjaman tabung ini adalah sama seperti PTPTN iaitu pada kadar faedah pinjaman sebanyak tiga peratus,” katanya yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Jadual dan kadar bayaran balik bulanan kepada pelatih akan dibuat secara berperingkat.

Beliau berkata, pembangunan industri

berasaskan teknologi dan pengetahuan memerlukan lebih ramai tenaga kerja terlatih.

Untuk itu, katanya, kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap peningkatan kualiti dan kuantiti tenaga kerja mahir dengan menambah kemudahan di pusat latihan kemahiran dan membina pusat latihan baru.

Menerusi Bajet 2004 itu, peruntukan RM319 juta disediakan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi tujuan itu.

Apabila 10 institusi latihan kemahiran itu beroperasi, Kementerian Sumber Manusia berupaya melatih 17,000 pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran, katanya.

Selain itu, sebanyak RM245.5 juta diperuntukkan bagi menambah kemudahan serta membina 25 Institut Kemahiran Belia Negara untuk melatih 11,000 pelatih.

Dr. Mahathir juga berkata, Pusat Latihan Kejuruteraan Mesin *Computer Numerically Controlled* (CNC) telah ditubuhkan di Taman Teknologi Malaysia bagi meningkatkan kemudahan latihan teknikal.

Pusat latihan itu akan menyediakan latihan khusus mengenai penggunaan dan re-



وقت سه‌شنبه

Kuala Lumpur dan kawasan
sewaktu dengannya

● Subuh	5.49	● Asar	4.12
(Syuruk)	7.06	● Maghrib	7.15
● Zuhur	1.11	● Isyak	8.24

ka bentuk mesin CNC untuk kegunaan pelbagai industri terutama komponen dan alat ganti.

Bagi meningkatkan lagi peluang mendapatkan latihan kemahiran, Pusat-Pusat Giat Mara akan ditingkatkan menjadi Kolej Komuniti yang memberi penekanan kepada latihan vokasional.

Kerajaan juga menggalakkan majikan mengambil graduan menganggur yang berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi dan dicadangkan majikan yang berbuat demikian diberi potongan cukai dua kali untuk tempoh dua tahun.

Graduan menganggur yang memerlukan latihan semula, mereka boleh mendapatkan pembiayaan di bawah Tabung Latihan Semula.